

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI  
TERENGGANU ( JBSNT )

OLEH

MAHIRAH BT MOHD RASHID  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHIKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM)

2006

13389

1100045554



LI 17 FPE 2 2006



1100045554  
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Belia dan Sukan Negeri  
Terengganu (JBSNT) / Mahirah Mohd Rashid.

**PERPUSTAKAAN**  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

	1100045554	

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LI  
17  
FPE  
2  
2006

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI  
TERENGGANU (JBSNT)**

**OLEH**

**MAHIRAH BT MOHD RASHID  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)  
UK 9638**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN  
KEPADA**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KUSTEM**

**2006**

1100045554

## Appendix E

### Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Mahirah Mohd Rashid (UK 9638)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa latihan industri semata-mata. Fakulti pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



(MAHIRAH MOHD RASHID)

850515115538

Disahkan oleh:



(PN RUZAINI SULAIMAN @ ABDUL RAHIM)

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

## PRAKATA

Latihan industri ini merupakan satu latihan yang wajib diambil oleh semua pelajar bagi program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Tujuan Latihan Industri ini adalah untuk memenuhi syarat lulus bagi pelajar Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Selain daripada itu Latihan industri ini juga bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar di samping untuk menilai sejauh mana pelajar tersebut dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari untuk digunakan dalam bidang pekerjaan yang akan mereka ceburi.

Latihan industri ini telah dijalankan selama tiga bulan oleh pelajar demi memberi kemahiran dan kecekapan dalam mengendalikan sesuatu tugas kepada pelajar di samping itu ia juga sebagai pengenalan terhadap alam pekerjaan khususnya apabila seseorang pelajar menjadi seorang pegawai kerajaan nanti.

Selama tiga bulan saya menjalani latihan industri di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu, saya telah melakukan pelbagai tugas yang telah dirangka dan disediakan pihak JBNST untuk pelajar praktikal. Saya telah ditempatkan di bahagian belia dan di situ saya juga telah diberikan penerangan secara teori dan praktikal mengenai tugas-tugas yang dilakukan oleh kakitangan dalam bahagian belia dan juga sedikit sebanyak dalam bahagian pengurusan. Sepanjang latihan industri di bahagian belia, saya telah diberikan pelbagai tugas, sama ada tugas yang ringan hinggalah tugas yang agak rumit. Walau bagaimanapun, semua tugas yang diberikan dapat saya selesaikan dengan kerjasama daripada semua kakitangan yang terlibat.

Oleh yang demikian melalui latihan industri ini, jelaslah bahawa ia dapat mendedahkan pelajar kepada situasi pekerjaan yang sebenar dan memahirkan pelajar di samping dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari pada masa hadapan. Latihan industri ini sesungguhnya amat bermakna dan berguna kepada pelajar dalam menilai kefahaman dan kemahiran yang diperolehi oleh pelajar sepanjang latihan industri. Ia seharusnya diteruskan kepada semua pelajar pengurusan supaya pelajar yang bakal menamatkan pengajian dapat sedikit gambaran yang sebenar kepada alam pekerjaan.

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala puji bagi Allah atas segala kurnia, rahmat dan kasih sayang-Nya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan kehadiran Allah SWT kerana menganugerahkan kesihatan, kelapangan dada serta ketenangan fikiran sepanjang latihan industri dan seterusnya dengan izin-Nya, saya berjaya menamatkan sesi latihan industri selama tiga bulan di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu.

Sesungguhnya inisiatif ke arah memanfaatkan pengalaman bekerja melalui pendedahan ke alam pekerjaan ini adalah amat penting kepada bakal graduat kerana di sinilah para pelajar dapat menimba ilmu pekerjaan. Walaupun terdapat pelbagai rintangan yang dialami, namun berkad doa dan keazaman yang membara akhirnya laporan ini dapat disiapkan akhirnya.

Di ruangan ini, saya tujukan terima kasih yang tidak terhingga kepada En Rusli Bin Yusoff selaku Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu kerana memberikan peluang kepada saya menjalani latihan praktikum serta mengaplikasikan segala ilmu pengetahuan yang ada sepanjang pengajian di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia. Kepada Tuan Haji Wan Sallam Bin Wan Yusoff selaku Timbalan Pengarah kerana melaluinyalah saya banyak berbincang mengenai tugas-tugas di pejabat selain daripada penyelia industri. Tidak lupa juga kepada En Mohd Shamsir Bin Mohd (Pegawai Pembangunan Sosial) selaku Penyelia Industri, jutaan terima kasih diucapkan kepada beliau kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang sesi praktikum di Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu ini. Begitu juga dengan semua kakitangan organisasi yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung. Kepada Pn Ruzaini bt Sulaiman @ Abdul Rahim selaku penyelia Latihan Industri yang juga merupakan pensyarah Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) di atas tunjuk ajar yang telah diberikan

kepada saya sepanjang menjalani latihan industri dan semasa menyiapkan laporan industri ini. Sesungguhnya segala bimbingan dan tunjuk ajar yang telah di berikan merupakan sesuatu yang amat berharga dan tidak mungkin dapat dilupakan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia industri di penempatan latihan industri En. Mohd Shamsir b. Mohd dan semua kakitangan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu dan juga peringkat daerah yang telah sudi memberikan kerjasama kepada saya dalam menjalani Latihan Industri ini. Semoga budi dan tunjuk ajar dari semua tidak akan saya lupakan. Akhir sekali kepada kedua ibu bapa saya yang tercinta, semua ahli keluarga tersayang dan sahabat seperjuangan, terima kasih di atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan.

Sebagai mengakhiri kata, saya berharap segala pengalaman ini akan saya gunakan untuk menghadapi hari-hari yang mendatang. Pengalaman yang telah saya perolehi dalam bergaul dan menghadapi pelbagai karektor masyarakat ini akan menjadi satu pengalaman yang berguna.

Sekian terima kasih.

•

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKASURAT</b>
Tajuk	
Surat pengesahan perakuan keaslian laporan(Appendix E)	i
Prakata	ii
Penghargaan	iii
Isi kandungan	v
Senarai singkatan	vii
Senarai Gambarajah/carta	viii
Ringkasan Eksekutif	ix
<b>BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latarbelakang/sejarah organisasi	2
1.1.2 Visi, misi, objektif, logo dan moto JBSNT	3
1.2 Penempatan di JBSNT	
1.2.1 Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan	5
1.2.2 Unit Rakan Muda	7
1.2.3 Daerah bagi JBSNT	9
1.2.4 Carta Organisasi	12
1.3 Kemahiran yang dapat daripada Latihan Industri	
1.3.1 Pengenalan	15
1.3.2 Mengenalpasti masalah	22
1.3.3 Penyelesaian masalah	23
1.4 Penutup	23
<b>BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH</b>	
2.1 Pengenalan	25



2.2	Mengesan sistem yang ada	
2.2.1	Sistem ESPKB	25
2.2.2	Sistem pengurusan fail	26
2.2.3	Pembahagian tugas kakitangan	27
2.2.4	Kemudahan dalam pejabat	28
2.2.5	Disiplin kakitangan	29
2.2.6	Penggerak Rakan Muda	30
2.3	Pengenalpastian masalah	
2.3.1	Sistem ESPKB	30
2.3.2	Sistem pengurusan fail	31
2.3.3	Pembahagian tugas kakitangan	32
2.3.4	Kemudahan dalam pejabat	32
2.4	Cadangan dan penyelesaian masalah	32
2.4.1	Sistem ESPKB	33
2.4.2	Sistem pengurusan fail	33
2.4.3	Pembahagian tugas kakitangan	34
2.4.4	Kemudahan dalam pejabat	34
2.5	Penutup	35
<b>BAB 3 ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>		
3.1	Pengenalan	36
3.2	Analisis ke atas organisasi	
3.2.1	Kekuatan	37
3.2.2	Kelemahan	37
3.2.3	Peluang	37
3.2.4	Ancaman	38
3.3	Penutup	38
<b>BAB 4 PENUTUP</b>		<b>40</b>
Bibliografi		
Lampiran		

## SENARAI SINGKATAN

<b>Singkatan</b>		<b>Senarai penuh</b>
ESPKB	-	Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan
JBSNT	-	Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu
JBS	-	Jabatan Belia dan Sukan
KBS	-	Kementerian Belia dan Sukan
PRM	-	Penggerak Rakan Muda
KLD	-	Kapal Layar Diraja
TLDM	-	Tentera Laut Diraja Malaysia
NGO	-	Non Government Organization

## **SENARAI GAMBARAJAH/CARTA**

<b>Gambarajah / Carta</b>	<b>Mukasurat</b>
Rajah 1: Logo Kementerian	4
Rajah 2: Logo NFC	4
Rajah 3: Logo Rakan Muda	5
Carta 1: Organisasi Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu	14

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kertas laporan akhir latihan industri ini bertujuan untuk mengkaji dan menilai sejauh mana keberkesanan sistem-sistem yang sedia ada di samping memberi saranan kepada cadangan penyelesaian bagi mengatasi kelemahan yang ada pada sesebuah organisasi.

Sepanjang tempoh latihan industri di bahagian belia JBSNT, pelbagai masalah organisasi yang telah dikaji bersama rakan-rakan daripada universiti lain. Antara masalah-masalah yang dikenalpasti ialah sistem pengurusan kerja harian yang tidak berkesan, penggunaan kemudahan teknologi yang terhad dan kegagalan sesetengah kakitangan dalam mematuhi etika kerja.

Sistem pengurusan kerja harian yang tidak berkesan merupakan masalah utama bagi bahagian belia. Masalah ini timbul lantaran daripada sistem ESPKB yang kurang efisien, buku perkhidmatan dan fail peribadi serta fail cuti yang sering tidak dikemaskini menyebabkan pelbagai maklumat sukar dikesan dan diperolehi. Selain itu pembahagian tugas yang tidak sama rata juga turut memberikan bebanan kepada kakitangan yang bertugas.

Penyediaan kemudahan teknologi yang terhad juga menjadi penghalang kepada kelancaran aktiviti harian organisasi. Penggunaan komputer yang tidak efektif dan kekurangan mesin faksimili melambatkan proses pengurusan serta sesuatu program itu berjalan.

Manakala penglibatan belia dalam setiap aktiviti yang dianjurkan oleh pihak jabatan akan menjejaskan kualiti setiap program jabatan. Bagi mengatasi masalah ini, setiap pegawai daerah belia dan sukan memainkan peranan bagi mempromosi setiap program yang dianjurkan. Maka bagi menjadikan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu terus bergiat cergas, jadi pelbagai langkah yang berkesan perlulah diambil dan masyarakat pula perlulah memberikan sokongan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Terengganu dalam melahirkan golongan belia yang bermutu dan berkualiti.